



Ruj. Kami : I00-FSM (AKA.14/3/4)
Tarikh : 1447H صفر 28
: 21 Ogos 2025

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan Salam Sejahtera

YBhg Dato' / Datuk / Datin / Profesor/ Tuan / Puan

PERLINDUNGAN KESIHATAN PELAJAR DI BAWAH SKIM PERKHIDMATAN KESIHATAN PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Merujuk kepada Pekeliling Timbalan Naib Canselor, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Bilangan 12 Tahun 2013 : Perlindungan Kesihatan Pelajar di bawah Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar UiTM adalah dimaklumkan bahawa Universiti Teknologi MARA telah menyediakan perkhidmatan kesihatan untuk semua pelajar separuh masa UiTM sepanjang tempoh pengajian di bawah Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar. Ianya meliputi kemudahan rawatan perubatan dan pergigian yang disediakan di Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam, Unit Kesihatan UiTM di Kampus-kampus Cawangan, Hospital dan Klinik Kerajaan, Hospital Universiti.

3. Sehubungan itu, semua pelajar sepenuh masa yang telah mendaftar dan disahkan sebagai pelajar UiTM layak untuk mendapat perlindungan kesihatan di bawah skim ini sepanjang tempoh pengajiannya. Pelajar yang menjalani latihan praktikal di organisasi luar, berada di luar kampus atas urusan rasmi universiti seperti menghadiri seminar, terlibat dalam pertandingan atau program seperti sukan, debat dan program-program pembangunan pelajar serta akademik yang dijalankan dalam negara yang telah diluluskan oleh pihak universiti adalah juga dilindungi di bawah skim ini.

4. Walau bagaimanapun, pelajar yang menjalani aktiviti atau terlibat dalam program di luar negara tidak dilindungi di bawah skim ini. Bagi program yang dijalankan di luar negara, penganjur perlu membeli polisi insurans berasingan. Maklumat penuh skim ini boleh dilayari di laman web Pusat Kesihatan UiTM <http://pusatkesihatan.uitm.edu.my>.

Sekian, untuk makluman pihak YBhg Dato' / Datuk / Datin / Profesor/ tuan / puan.

Terima kasih.

اوسها، تقوى، موليا

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PROFESOR MADYA DR. NORHAYATI HUSSIN)

Dekan

- s.k.
1. Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar), Fakulti Sains Maklumat
 2. Timbalan Dekan (Hal Ehwal Akademik), Fakulti Sains Maklumat
 3. *Resource Person* IMC690 (Latihan Industri), Fakulti Sains Maklumat